

0719

B 8896 AAB

NAM - PM-PERGERAKAN
(I)
DARIPADA MUSA SCULLY

HARARE, 3 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERTANYA KEPADA PERGERAKAN NEGARA BERKECUALI (NAM) SEJAUH MANAKAH PERGERAKAN SERING BERCAKAP DENGAN SATU SUARA.

BELIAU YANG BERUCAP PADA PERSIDANGAN KEMUNCAK KE-8 NAM DI SINI BERKATA NEGARA ANGGOTA PERGERAKAN HENDAKLAH SEDAR BAHAWA KEBANYAKAN MEREKA TELAH BERPECAH-BELAH DAN BERCAKANGGAH PENDAPAT SATU SAMA LAIN.

+KITA MENGUTUK PENCABULAN NORMA-NORMA ANTARABANGSA KERANA PEGANGAN KITA KEPADA PRINSIP TERTENTU TETAPI APABILA NORMA-NORMA ITU DICABULI OLEH MEREKA YANG KEBERATAN UNTUK BERSAHABAT DENGAN KITA, KITA MERENDAHKAN SUARA ATAU PUN MEMBISU SAHAJA,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SESETENGAH NEGARA ANGGOTA MENGECEM PERJANJIAN ANTARABANGSA MENGENAI SESETENGAH KOMODITI DAN ENGGAN BEKERJASAMA UNTUK MENSTABILKAN HARGA.

WALAU BAGAIMANAPUN, KATA BELIAU, APABILA MELIBATKAN BARANGAN YANG MEREKA HASILKAN, NEGARA-NEGARA BERKENAAN MENUBUHKAN KARTEL DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU. -- LAGI.

1945MST 03 09 86

B 8897 AAB

NAM - PM-PERGERAKAN 2 HARARE
(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA +AMATLAH MALANG, TANGGUNGJAWAB MORAL DAN SUARA KITA SUDAH TIDAK BERKESAN LAGI.+

BELIAU BERKATA NAM MENGILHAMI PERATURAN BARU EKONOMI ANTARABANGSA (NIEO) TETAPI EMPAT BELAS TAHUN SELEPAS KONSEP DIPERKENALKAN, +KITA MASIH MENANGGUNG BEBAN HUTAN LUAR YANG TINGGI SERTA DASAR PERLINDUNGAN YANG DIKENAKAN OLEH NEGARA MAJU.+

+SEJAUH MANAKAH KITA BEBAS DAN BERPEGANG KEPADA KONSEP BERKECUALI DALAM ERTI KATA SEBENARNYA?+

BELIAU MEMUJI PERDANA MENTERI INDIA RAJIV GHANDI KERANA PENEKANANNYA SEJAK PERSIDANGAN KEMUNCAK KETUJUH MENGENAI PERLUNYA NAM TIDAK MENYIMPANG DARIPADA MATLAMAT ASAL PERJUANGANNYA SERTA KEMBALI KEPADA +PRINSIP BERKECUALI+ SEBENAR.

KATANYA, SEMASA MENJADI PENERUSI PERSIDANGAN, GANDHI TELAH DAPAT MEMPERKUKUH PERANAN PERGERAKAN. -- LAGI.

1947MST 03 09 86

NAM - PM-PERGERAKAN 3 HARARE

(I)

PERDANA MENTERI BERKATA KETIADAAN PERBALAHAN DI KALANGAN ANGGOTA MERUPAKAN FAKTOR PENTING KE ARAH MEWUJUDKAN KEAMANAN DAN KESEIMBANGAN EKONOMI.

WALAU BAGAIMANAPUN, KATANYA, SESETENGAH NEGARA ANGGOTA GAGAL MENGUASAI SUMBER PENDAPATAN MEREKA DAN KADANG-KADANG PERHUBUNGAN DENGAN NEGARA JIRANNYA.

+KITA TIDAK BOLEH BERTINDAK SECARA BEBAS JIKA KEDUDUKAN EKONOMI, TENTERA DAN POLITIK KITA MASIH DICENKAM OLEH BEKAS KUASA PENJAJAH.

+KADANG KALA KITA DIJADIKAN +PROXI+ DALAM PEPERANGAN ORANG LAIN, UMPAN DALAM PERCATURAN POLITIK ANTARABANGSA DAN GELANGGANG BAGI UJIAN SENJATA YANG BERBAHAYA,+ KATA BELIAU.

WALAU BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA WALAUPUN MENGHADAPI PELBAGAI ANCAMAN DAN TEKANAN, NAM DAPAT MEMPERKUKUH KEDUDUKANNYA. -- LAGI.

1948MST 03 09 86

B B899 AAB

NAM - PM-PERGERAKAN 4 HARARE

(I)

MENGENAI PEPERANGAN IRAN-IRAQ, PERDANA MENTERI ATAS NAMA PERSAUDARAAN DAN PERIKEMANUSIAAN MENYERU KEDUA-DUA NEGARA MENINGGALKAN MEDAN PERTEMPURAN DAN MEMULAKAN RUNDINGAN.

IRAN DAN IRAQ KEDUA-DUANYA IALAH ANGGOTA NAM.

BERHUBUNG DENGAN MASALAH ASIA BARAT, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA IA JELAS MEMBAYANGKAN KETIDAKUPAYAAN NAM MEMBERI SUMBANGAN KE ARAH PENYELESAIAN MASALAH ITU.

BELIAU BERKATA REGIM TEL AVIV DENGAN SOKONGAN AMERIKA SYARIKAT TERUS MERAMPAS HAK RAKYAT PALESTIN DENGAN MENAKLUKI TANAH-TANAH ARAB.

MENGENAI PERLUCUTAN SENJATA, BELIAU MEMUJI USAHA INDIA, PAKISTAN, ARGENTINA, YUGOSLAVIA DAN TANZANIA YANG BERSAMA-SAMA DENGAN BEBERAPA NEGARA ANGGOTA MENGELAKKAN ISU ITU DIKUASAI OLEH KUASA-KUASA BESAR. -- BERNAMA

1950MST 03 09 86